



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 48

26hb Ogos 2004

No. 18

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

No. 265.

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92] Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dengan ini melantik pegawai-pegawai yang berikut menjadi Majistret Kelas Dua bagi Negeri Pulau Pinang mulai tarikh yang disebutkan.

Bil.	Nama	Gelaran Jawatan	Tarikh Pelantikan Sebagai Majistret Kelas Dua Bagi Negeri Pulau Pinang
1.	Puan Wan Ruhani binti Wan Daud	Penolong Pegawai Daerah (Tanah) Seberang Perai Tengah Gred M44	23-4-2004
2.	Encik Mohd. Azam bin Din	Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan Gred N41	17-5-2004
3.	Encik Zamri bin Othman	Penolong Pegawai Daerah Daerah Barat Daya Gred N41	17-5-2004

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

2

[26hb Ogos 2004]

Bil.	Nama	Gelaran Jawatan	Tarikh Pelantikan Sebagai Majistret Kelas Dua Bagi Negeri Pulau Pinang
4.	Puan Yusaida binti Md. Yusoff	Penolong Pegawai Daerah Daerah Barat Daya Gred N41	17-5-2004

Bertarikh 4 Ogos 2004
[PSUKPP/(S)/01/1011/2. Klt. 2]

ABD RAHMAN SHAFFIE BIN KASSIM
*Bahagian Sumber Manusia
b.p. Setiausaha Kerajaan
Pulau Pinang*

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

No. 266.

PELANTIKAN YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG MENURUT SEKSYEN 7

Bahawa menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 6(2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, maka Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan telah berkenan melantik Yang Berhormat Encik Shabudin bin Yahaya sebagai Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang berkuatkuasa mulai 1hb Jun 2004 hingga 31hb Disember 2005.

Diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 24hb Mei 2004 dan diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 23hb Jun 2004.

Bertarikh 13 Julai 2004
[MAINPP/01/06/17/2]

HAJAH ROHANI BINTI HASSAN
*Pemangku Setiausaha
Majlis Agama Islam
Pulau Pinang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Ogos 2004]

3

KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

No. 267.

PELANTIKAN-PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965] maka, Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang dengan ini membuat pelantikan berikut:

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan
1.	Encik Ibrahim bin Othman (K/P 500926-07-5497)	Penolong Pegawai Tanah Daerah Seberang Perai Tengah	1 Oktober 2001
2.	Encik Khirrudin bin Bakar (K/P 580723-02-5433)	Penolong Pegawai Tanah Daerah Seberang Perai Tengah	1 Oktober 2001
3.	Encik Ahmad bin Awang (K/P 580713-07-5197)	Penolong Pegawai Tanah Daerah Seberang Perai Tengah	1 Oktober 2001

Bertarikh 26 Julai 2004
[PTG/PP/2 Jld. 10(28)]

NG WEE KOK
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pulau Pinang

No. 268.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Omnivest Sdn. Bhd. yang beralamat di (tidak dapat dikesan) tuan punya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/di Tingkat 3 KOMTAR, Pulau Pinang, segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

4

[26hb Ogos 2004]

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik—Geran First Grade No. 62843. No. Lot/P.T.—2589 Bandar Georgetown, PB 1, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. (Jika dibayar pada/sebelum 31hb Mei 2004). Hasil Tahun Ini—(2004) RM4,753.00. Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas—(1998–2003) RM28,518.00. Bayaran Dan Lain-lain Yang Dikenakan Sebagai Hasil—(Denda Lewat 1998–2003) RM11,827.00. Bayaran-bayaran Terhutang—(Notis 6A) RM10.00; Jumlah Kena Dibayar—RM45,108.00 dan (Jika dibayar selepas 31hb Mei 2004). Hasil Tahun Ini—(2004) RM4,753.00. Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas—(1998–2003) RM28,518.00. Bayaran Dan Lain-lain Yang Dikenakan Sebagai Hasil—(Denda Lewat 1998–2003) RM16,337.00. Bayaran-bayaran Terhutang—(Notis 6A) RM10.00; Jumlah Kena Dibayar—RM49,618.00.

Bertarikh 29 Julai 2004
[(25) dlm. PTTL/F/14/1/723]

HAJI MAHYUDDIN BIN HASSAN
*b.p. Pentadbir Tanah
Daerah Timur Laut
Pulau Pinang*

No. 269.

(Seksyen 168)
NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang (STRATA).

JADUAL

Mukim—1, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. No. Lot—4583. Jenis dan No. Hakmilik—Strata Pajakan Negeri HBM 31/M2/4/3. Luas—54 meter persegi.

Bertarikh 28 Julai 2004
[PTG/PB/SPT/63]

MARZUKI BIN SULAIMAN
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Ogos 2004]

5

No. 270.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang
(STRATA).

JADUAL

Mukim—13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—7691. Jenis dan No. Hakmilik—Strata Geran HBM 188/M1/3/44. Luas—73 meter persegi.

Bertarikh 28 Julai 2004
[PTG/PB/DTL/140]

MARZUKI BIN SULAIMAN
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang

No. 271.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang
(STRATA).

JADUAL

Bandar—Tanjung Bunga, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—4063. Jenis dan No. Hakmilik—Strata Geran 41321/M1/1/3. Luas—78 meter persegi.

Bertarikh 29 Julai 2004
[PTG/PB/DTL/129]

MARZUKI BIN SULAIMAN
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang

No. 272.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang
(STRATA).

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

6

[26hb Ogos 2004]

JADUAL

Bandar—Tanjong Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—4120. Jenis dan No. Hakmilik—Strata Geran 60061/M1/3/24. Luas—120 meter persegi.

Bertarikh 29 Julai 2004
[PTG/PB/DTL/400]

MARZUKI BIN SULAIMAN
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang

No. 273.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang (STRATA).

JADUAL

Bandar—Air Itam, Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—1279. Jenis dan No. Hakmilik—Strata Pajakan Negeri 221/M1/1/1. Luas—35 meter persegi.

Bertarikh 29 Julai 2004
[PTG/PB/DTL/118]

MARZUKI BIN SULAIMAN
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang

No. 274.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang (STRATA).

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Ogos 2004]

7

JADUAL

Bandar—Jelutong, Seksyen 4, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Lot—148. Jenis dan No. Hakmilik—Strata Geran 30434/M1/2/1. Luas—68 meter persegi.

Bertarikh 29 Julai 2004
[PTG/PB/DTL/428]

MARZUKI BIN SULAIMAN
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 275.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang/ rosak.

JADUAL

Bandar—Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara. No. Lot—372. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 1348. Luas—256.404 meter persegi.

Bertarikh 3 Ogos 2004
[PTG/PP/76/Jld. 47(1)]

SAODAH BINTI NAWAWI
*b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah
Pulau Pinang*

No. 276.

(Seksyen 187B)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
SURATAN HAKMILIK SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik sementara yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini atas sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran telah hilang.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

8

[26hb Ogos 2004]

JADUAL

Mukim—13, Seberang Perai Tengah. No. Lot—Lot 542. Jenis dan No. Hakmilik—Suratan Hakmilik HS(M) 871. Luas—6070.284 meter persegi.

Bertarikh 6 Ogos 2004
[PTSP/D/0022/2004]

WAN RUHANI BINTI WAN DAUD
b.p. Pentadbir Tanah
Seberang Perai Tengah
Bukit Mertajam

KAEDAH-KAEDAH PEKERJA (KELAKUAN DAN TATATERTIB)
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG 2000
MUNICIPAL COUNCIL OF PENANG ISLAND EMPLOYEE
(CONDUCT AND DISCIPLINE) (RULES 2000)

No. 277.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH KAEDAH 37
NOTIFICATION UNDER RULES 37

Pegawai yang disebut di bawah ini telah tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu atau tanpa sebab yang munasabah dari tarikh yang dinyatakan. Suatu surat “A.T.” (Akuan Terima) berdaftar menghendaki pegawai itu memberi penjelasan mengapa dia tidak hadir bertugas dan mengarahkannya supaya melaporkan diri untuk bertugas telah dikembalikan tak terserah dan dia tidak dapat dikesan. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa sekiranya pegawai itu masih tidak kembali bertugas dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penyiaran Pemberitahuan ini dalam *Warta*, dia hendaklah disifatkan telah dibuang kerja mulai dari tarikh dia tidak hadir bertugas.

The officer mentioned hereunder has been absent without leave, without obtaining prior permission or without reasonable cause from the date stated. An “A.R.” (Acknowledged of Receipt) registered letter requiring the officer to give an explanation as to his absence and directing him to report for duty has been returned undelivered and he cannot be traced. Notice is hereby given that if the officer fails to return for duty within a period of seven (7) days from the date of the publication of this Notification in the *Gazette*, he shall be deemed to have been dismissed from the service with effect from the date of his absence.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

26hb Ogos 2004]

9

Nama/No. K/P/No. Fail	Jawatan dan Tempat Kerja	Tarikh Mula Tidak Hadir Bertugas
Mohd Rizal bin Yahya K/P 770309-07-6101 No. Fail: S.35/2/1/1-2947	Tukang K2 (Jurugegas) Gred R11 Majlis Perbandaran Pulau Pinang	24-12-2003

Bertarikh 30 Julai 2004
[R.50/2/4-3(U)]

OOI CHIN LOO
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Pulau Pinang

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad**.
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA